

Nippon umum pemenang Anugerah Pereka Muda

PENERAJU cat mesra alam, Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd mengumumkan pemenang Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2010 baru-baru ini.

Berbekalkan tema Melahirkan Generasi Rekaan Mesra Alam Masa Depan, pereka dalaman dan arkitek muda tempatan diberi peluang mengilhamkan idea, mempromosikan pemuliharaan alam sekitar dan kelestarian hidup.

Peserta dinilai berdasarkan bahan digunakan, penyelenggaraan, penggunaan tenaga, air dan pengurusan sisa buangan yang akhirnya menambah baik prestasi alam sekitar.

Pada tahun ini anugerah berkenaan menerima 336 penyertaan bakal pereka dalaman dan arkitek daripada 26 institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Setiap penyertaan menunjukkan kreativiti reka bentuk ruang dalaman dan luaran

yang canggih serta amat berkualiti.

Low Poh Shi pelajar Malaysian Institute of Art menerima pingat emas menerusi kategori rekaan dalaman sementara Bernadette Quah Paik Choo dari KBU International College pula memenangi anugerah perak.

Dalam kategori Seni Bina, anugerah emas dimenangi Tee Khay Mee dari Universiti Putra Malaysia (UPM), sementara Nurhayati Nordin dari Universiti Malaya (UM) menerima anugerah perak.

Pertandingan tahun ini turut memperkenalkan kategori baru iaitu Anugerah Pilihan Pelajar untuk penyertaan finalis yang menerima undian dalam talian tertinggi.

Anugerah berkenaan dimenangi Ng Ann Kee dari Universiti UCSI

Khor Yih Chau dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Pengurus Besar Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, Gladys Goh berkata berdasarkan penyertaan pihaknya amat bangga kerana negara ini mempunyai pereka berbakat terutama dalam rekaan mesra alam.

"Saya berharap satu hari nanti, negara kita dikenali sebagai hub bagi rekaan mesra alam," katanya.

Anugerah Pereka Muda Nippon Paint, yang dilancarkan 2008 antara pertandingan tahunan terbuka kepada pelajar yang menuntut di sekolah reka bentuk dalaman atau seni bina.

Selain itu pelajar yang mengikuti pengajian tahun terakhir kursus diploma atau sekurang-kurangnya tahun ketiga program ijazah juga layak menyertai.

Anugerah berkenaan turut mendapat sokongan Persatuan Pereka Hiasan Dalaman Malaysia (MSID) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).



BANGGA...Gladys (tengah) bersama pemenang.